

SULIT



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019
BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

1 Ogos

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

.....
(NORAINI BINTI OSMAN)

.....

.....

Kertas ini mengandungi 8 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

1103/2

SULIT

SULIT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah keselamatan penggunaan perbankan elektronik dan faedah-faedah penggunaan perbankan elektronik. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kini urusan perbankan hanya di hujung jari. Cara penggunaannya cukup mudah; pengguna hanya perlu menatap skrin komputer, melayari laman sesawang perbankan yang dipilih, menaip kata laluan atau nombor pin kemudian memilih urusan transaksi yang diperlukan, dan dalam beberapa minit urusan tersebut dapat diselesaikan. Aplikasi perbankan elektronik mula dibangunkan di Malaysia setelah mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia pada 1 Jun 2000 dan Maybank merupakan institusi kewangan pertama menjalankan perkhidmatan perbankan dalam talian dengan portal perbankannya www.maybank2u.com.my.

Faktor keselamatan dan privasi merupakan dua perkara paling dominan yang mempengaruhi keputusan pengguna untuk menggunakan perkhidmatan perbankan elektronik. Aspek keselamatan dalam penggunaan aplikasi ini sebenarnya terletak di tangan pengguna sendiri dengan memastikan kata laluan ke akaun pengguna sukar diteka oleh orang lain. Oleh itu, pengguna wajar mengelakkan penggunaan nombor telefon, tarikh lahir ataupun maklumat yang sudah biasa digunakan sebagai kata laluan. Pengguna juga perlu kerap menukar kata laluan agar penceroboh di internet gagal mencuri kata laluan. Setelah segala urusan ditamatkan, pengguna juga disarankan supaya memadamkan semua data berkenaan aktiviti internet mengikut cara yang dipaparkan oleh pengendali perbankan elektronik. Sekiranya data ini tidak dipadamkan, data akan berada dalam memori komputer dan boleh dikesan oleh penggodam internet.

Pengguna sering diingatkan supaya tidak melayari e-mel yang meminta mereka menukar nombor pin atau kata laluan perbankan. Banyak kes dilaporkan bahawa pengguna kehilangan wang dalam sekelip mata setelah terpedaya dengan e-mel yang kononnya dihantar oleh pihak bank meminta mereka mengemas kini maklumat pelanggan. 'Hyperlink' atau pautan pada e-mel atau paparan oleh apa-apa jua laman sesawang, berkemungkinan besar telah dihubungkan kepada portal rekaan para penggodam internet dan pengguna dinasihati agar tidak melayari atau mengakses laman sesawang perbankan elektronik dengan jalan pintas. Pelanggan yang bijak juga tidak akan sewenang-wenangnya memberikan kata laluan perbankan elektronik kepada sesiapa sahaja. Bagi mengelakkan sebarang masalah teknikal atau kesilapan, pengguna perlu memastikan resit transaksi disimpan untuk rujukan.

Sekiranya perlu mencatat kata laluan atau nombor pin kerana bimbang terlupa, pengguna mencatatkannya di tempat yang selamat. Terdapat juga pengguna yang tertipu dengan penghantar sistem pesanan ringkas (SMS) yang mengaku ahli keluarga terdekat, lalu mendedahkan maklumat perbankan mereka. Oleh itu, jangan mudah percaya dengan SMS yang meminta kita menghantar maklumat rahsia. Pengguna harus menyasiat terlebih dahulu kesahihan SMS tersebut.

Walaupun perbankan elektronik berisiko, inisiatif pengguna penting untuk mendapatkan maklumat terkini agar penggodam tidak berjaya menembusi tembok keselamatan yang dibina. Pihak bank pula seharusnya sentiasa menaik taraf sistem keselamatan mereka memandangkan pelbagai teknologi dan kaedah penipuan *dicipta untuk menerobos* sistem keselamatan aplikasi di internet.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Urusan Perbankan di Hujung Jari', oleh Siti Zakiah Melatu Samsi, Dewan Masyarakat, April 2011)

Soalan 2 : Pemahaman [35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkai kata *dicipta untuk menerobos*? [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa cara menggunakan khidmat perbankan elektronik. Nyatakan cara-cara tersebut. [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah khidmat perbankan elektronik kurang mendapat sambutan daripada pengguna? [4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah beberapa purnama tertangguh, akhirnya saya merasakan sekelumit ilmu yang mengisi dada saya sudah mampu membolehkan saya berjuang sebagai warga sebuah kota besar yang agung itu. Kepada bonda saya sampaikan hasrat untuk membina kehidupan yang lebih sempurna di ibu kota. Tanah desa halaman ini tidak lagi dapat menjanjikan masa depan saya lebih terurus.

Saya perlukan kerjaya yang terjamin dan ekonomi yang stabil untuk merancang kehidupan masa depan saya.

Bonda tersenyum melihat saya tidak sabar untuk meninggalkan bumi kelahiran saya ini. “Mel, bonda merestui kamu untuk berhijrah ke ibu kota. Tetapi, ingatlah pesan bonda supaya menjaga dua perkara. Perintah agama jangan sesekali kamu abaikan. Agama itu baju peribadi bangsa kita. Akidah yang kukuh menjadi akar yang menunjangi pohon kebenaran. Islam merupakan panduan hidup. Peliharalah bahasa ibunda kita kerana itulah sahaja warisan kita yang tinggal. Bahasa jiwa bangsa. Bangsa yang bijak tidak akan membuang bahasanya walau apa-apa alasan sekalipun.”

Pesan itu menyuburi hati dan perasaan saya. Pesanan daripada lidah seorang bonda untuk anakandanya yang akan merantau jauh. Saya yakin mempunyai kekuatan untuk menghadapi dugaan dan cabaran di tengah ibu kota.

Dipetik daripada cerpen 'Munsi' oleh Husna Nazri
dalam antologi Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah pesanan bonda kepada anaknya ? [2 markah]
- (ii) Apa pendapat anda, apakah persiapan - persiapan yang perlu kita lakukan sebelum kita merantau ke tempat baru. [3 markah]
- (iii) Huraikan satu perwatakan Mel yang terdapat dalam petikan di atas dan satu perwatakan lain Mel daripada keseluruhan cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Berapa lamanya maka Kertala Sari pun sampailah ke Melaka. Maka ia pun singgahlah di luar kota pada kampung segala Jawa. Maka Kertala Sari pun menyamarlah dirinya kepada segala Jawa yang banyak itu. Maka Kertala Sari pun sedia kala berjalan keluar masuk bermain-main segenap kampung orang kaya-kaya dan saudagar.

Setelah diketahuinya, maka Kertala Sari pun masuk menyamar pada orang Patih Kerma Wijaya. Tatkala itu Kertala Sari pun masuk seorangnya mengikut Patih Kerma Wijaya pergi menghadap sama dengan Jawa yang banyak itu. Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang kepada seorang. Maka Kertala Sari pun pandang pada Laksamana; maka ia pun fikir dalam hatinya, Dialah gerangan hulubalang Ratu Melaka yang bernama Laksamana itu. Jikalau demikian lakunya, sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia *penjurit besar lagi kepetangan.*”

Dipetik daripada prosa 'Kepimpinan Melalui Teladan'
dalam antologi Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *penjurit besar lagi kepetangan.* [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan yang dilakukan oleh Kertala Sari setelah sampai ke Melaka? [3 markah]

- (iii) Sekiranya anda raja, apakah yang akan anda lakukan untuk memastikan Laksamana terus kekal berkhidmat dengan kerajaan anda? [3 markah]

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

<p>Erti Hidup Bererti</p> <p>Aku selalu didatangi malam sepi bagai kalung yang melingkari leherku tidak berubah keesokan hari siapa yang akan datang menjengukku keluhan seorang tua sunyi.</p> <p>Keheningan tasik kehijauan rumput hanya menjadi bayangan di penjuru ruang zaman cinta dalam rahim dilupai dari sulung ditendang ke bongsu dari angah ditendang ke sulung balik kucari erti hidup menderita mengerang sakit berdiri tanpa ruang.</p>	<p>Aku bagi mereka tiada makna anakku bakaku baik setia mahupun derhaka semoga disirami benih keinsafan menjadi penawar dalam hati embun cinta atasi angin dingin jangan terpegun ada yang mati ada yang hidup tiada yang kekal kecuali Tuhan.</p> <p>Teo Wei Sing Antologi Sejadah Rindu Dewan Bahasa dan Pustaka.</p>
--	---

- (i) Berdasarkan rangkap ketiga, apakah perkara yang dimohon oleh penyajak kepada Tuhan? [2 markah]
- (ii) Sebagai seorang anak, bagaimanakah cara yang boleh anda lakukan untuk membalas jasa kedua-dua ibu bapa anda? [3 markah]
- (iii) Huraikan pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) *Tulis dua ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) menahan
- (ii) menuntut
- (iii) menarik

[6 markah]

(b) *Bina satu ayat tanya berdasarkan setiap ayat pernyataan yang dicondongkan di bawah.*

- (i) Pencuri itu telah ditangkap *pada pukul 7 pagi tadi.*
- (ii) Semua murid SMK Mutiara akan menghadapi peperiksaan *di Dewan Wawasan.*
- (iii) *Ya, saya akan melakukan tugas itu.*
- (iv) Dalam kotak ini ada *hadiah.*
- (v) Normah tidak datang ke sekolah *sebab perutnya sakit.*
- (vi) Keadaan nenek saya *sihat.*

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan.** Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Malaysia mampu memajukan bidang eko-pelancongan kerana mengayakan sumber alam semula jadinya.
- (ii) Guru bimbingan itu telah memberikan keterangan yang jelas tentang profesyen sebagai pakar bedah.
- (iii) Persatuan belia yang baharu ditubuhkan itu mengengahkan moto yang berteraskan perpaduan belia semalaysia.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Beribu ayam ternakan dimusnahkan oleh kerajaan Maxico akibat sindrom selsema burung yang menyerang di beberapa buah daerah di negara itu.
- (ii) Semua mangsa tsunami dipindahkan oleh kami ke pusat petempatan sementara sebaik-baik menerima arahan daripada pihak berkuasa.
- (iii) Setelah meneliti semua syarat-syarat yang ditetapkan di dalam surat perjanjian oleh peguam, akhirnya Muzammil bersetuju untuk menulis surat perjanjian tersebut.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*

- (i) Setiap petang, Alina dan rakan-rakannya akan bersiar-siar di taman bunga untuk menghilangkan kepenatan bekerja.
- (ii) Janganlah kita boros berbelanja, sebaliknya berbelanjalah mengikut kemampuan diri atau bersesuaian dengan bajet kita.
- (iii) Sebelum melakukan sesuatu perkara, kita hendaklah berfikir dengan semasak-masaknya supaya tidak menyesal pada kemudian hari.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
 - (ii) *Tirani* karya Beb Sabariah
 - (iii) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
 - (iv) *Silir Daksina* karya Md Nizar Parman
 - (v) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
 - (vi) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip bin Talib
 - (vii) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
 - (viii) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **latar tempat** yang terdapat dalam novel tersebut.
[7 markah]
- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan **satu peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian yang boleh dijadikan panduan kepada pembaca.**
[8 markah]

SKEMA

JAWAPAN RUMUSAN

Pendahuluan

Rumusan membincangkan usaha-usaha/prakarsa-prakarsa/inisiatif-inisiatif/cara-cara yang selamat dalam penggunaan aplikasi perbankan elektronik dan faedah-faedah penggunaan perbankan elektronik

@

Petikan membincangkan usaha-usaha/prakarsa-prakarsa/inisiatif-inisiatif/cara-cara yang selamat dalam penggunaan aplikasi perbankan elektronik dalam kalangan masyarakat/ di Malaysia.

Isi Tersurat (langkah-langkah keselamatan dalam penggunaan aplikasi perbankan elektronik)

1. Pengguna memastikan kata laluan ke akaun pengguna sukar diteka oleh orang lain.
2. Pengguna perlu menukar kata laluan dengan lebih kerap.
3. Pengguna memadamkan data berkenaan aktiviti internet.
4. Pengguna ditegah melayan e-mel yang meminta penukaran nombor pin atau kata laluan perbankan.
5. Pengguna tidak melayari/mengakses laman sesawang perbankan elektronik dengan jalan pintas.
6. Pengguna tidak sewenang-wenangnya memberi kata laluan perbankan elektronik kepada sesiapa.
7. Pengguna memastikan resit transaksi disimpan untuk rujukan.
8. Pengguna dinasihati mencatatkan nombor pin atau kata laluan di tempat yang selamat.
9. Pengguna tidak mudah percaya dengan sistem pesanan ringkas (SMS) yang meminta menghantar maklumat rahsia.
10. Pengguna berinisiatif untuk melaporkan maklumat terkini.
11. Pihak bank seharusnya sentiasa menaik taraf langkah keselamatan.

Isi Tersirat (faedah-faedah penggunaan perbankan elektronik)

1. Menjimatkan masa menunggalberatur/perjalanan dsb.
2. Menjimatkan kos minyak/parkir/pengangkutan dsb.
3. Memudahkan pengguna menjelaskan pelbagai bil/urusan transaksi.
4. Segala urusan perbankan boleh dilakukan di mana-mana dan bila-bila sahaja.
5. Keselamatan diri dan wang lebih terjamin/tidak perlu membawa wang tunai yang banyak untuk membayar bil.
6. Melahirkan masyarakat celik teknologi.

Kesimpulan

Kesimpulannya, masyarakat hendaklah meningkatkan penggunaan perbankan elektronik agar urusan perbankan lebih efisien.

PEMAHAMAN

Jawapan 2(a)

- (i) Maksud rangkai kata dicipta untuk menerobos
- (direka/dihasilkan/diwujudkan/dibentuk/dibuat/diadakan) untuk/bagi (menembusi menceroboh/mengakses/menggodam/melantasi)
- (ii) cara-cara menggunakan khidmat perbankan elektronik
- P1 pengguna hanya perlu menatap skrin komputer
- P2 melayari laman sesawang perbankan yang dipilih
- P3 menaip kata laluan atau nombor pin
- P4 memilih urusan transaksi yang diperlukan
- (iii) Khidmat perbankan elektronik kurang mendapat sambutan daripada pengguna kerana
- P1 kurang keyakinan terhadap keselamatan sistem perbankan elektronik disebabkan oleh berlakunya kes-kes penipuan
- P2 kurang pengetahuan /buta IT terutama dalam kalangan orang tua
- P3 kurang kesedaran disebabkan tahap pendidikan yang rendah
- P4 warga tua yang sukar menerima perubahan/pembaharuan disebabkan selesa dengan cara konvensional.
- P5 pengguna tidak sedar akan bahaya membawa wang tunai dalam jumlah yang banyak disebabkan oleh mereka selesa dengan cara tersebut.
- P5 talian internet kurang memuaskan/tidak meliputi semua kawasan terutama di kampung-kampung.
- P6 masyarakat tidak mampu melanggan internet/tiada talian internet di rumah disebabkan kadar yang mahal.

Jawapan 2(b)

- (i) pesanan bonda kepada anaknya;
- P1 Perintah agama jangan sesekali kamu abaikan. – 1m
- P2 Peliharalah bahasa ibunda kita. – 1m [maksimum 2 markah]
- (ii) persiapan - persiapan yang perlu kita lakukan sebelum kita merantau ke tempat baru.
- P1 Pelajari kebudayaan daerah rantauanmu/ memiliki ilmu pengetahuan tentang tempat yang kita ingin tinggal.
- P2 menyediakan mental yang kuat untuk berhadapan dengan situasi baru .
- P3 mencari rumah sewa/ tempat tinggal yang selesa untuk berlindung dari panas dan hujan.
- P4 Belajar Bersikap Ramah dan Sopan/ mencari kenalan baru yang boleh menolong dan berkongsi cerita.
- P5 Hubungi teman atau saudara yang tinggal di daerah kamu merantau.

[Maksima 3 markah]

(iii) satu perwatakan Mel yang terdapat dalam petikan di atas;

P1 Seorang yang berani. Cth ingin berhijrah ke bandar yang asing.

satu perwatakan lain Mel daripada keseluruhan cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.

P1 Seorang yang taat. Cth - 'Saya' tidak membantah ketika ibunya melarang dia berhijrah ke bandar.

P2 Seorang yang amanah. Cth - 'Saya' menyampaikan amanah bondanya iaitu buku-buku yang sepatutnya diserahkan kepada Munsyi ketika 'saya' pergi ke bandar.

P3 Seorang yang gemar membaca. Cth - 'Saya' telah mengkaji teks Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah serta membaca banyak buku lama milik ibunya.

P4 Seorang yang tidak mudah putus asa. Cth - 'Saya' meminta izin ibunya sekali lagi apabila sudah lebih bersedia untuk tinggal di kota walaupun hasratnya itu pernah ditolak oleh ibunya.

Anak lelaki kepada bonda / patuh akan nasihat dan arahan bondanya - tidak membantah ketika ibunya melarang dia berhijrah ke Bandar / Seorang yang rasional apabila bersetuju dengan pandangan bondanya bahawa di kota terdapat berbagai-bagai ragam manusia yang kehilangan identiti dan jati diri. / Dia amat mengagumi tokoh-tokoh dahulu yang banyak berjasa kepada agama, bahasa dan negara / Seorang yang amanah - menyampaikan amanah bondanya iaitu buku-buku yang sepatutnya diserahkan kepada Munsyi ketika pergi ke Bandar / gemar membaca - mengkaji teks Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah serta membaca banyak buku lama milik ibunya / tidak mudah putus asa - meminta izin ibunya sekali lagi apabila sudah lebih bersedia untuk tinggal di kota walaupun hasratnya itu pernah ditolak oleh ibunya.

[4 markah]

(iii) Sekiranya anda raja, apakah yang akan anda lakukan untuk memastikan Laksamana terus berkhidmat dengan kerajaan anda?

Sekiranya saya raja, perkara yang akan saya lakukan untuk memastikan Laksamana terus berkhidmat dengan kerajaan saya ialah:

- Saya akan mengahwinkan Laksamana dengan anak perempuan saya.
- Saya akan menawarkan Laksamana jawatan yang lebih tinggi.
- Memberikan pingat kebesaran kepada Laksamana
- Mengadakan keraian untuk menghargai dan mengingati jasa Laksamana.

[Maksimum : 3 markah]

[isi cukup : 2 isi]

Soalan 2 (d) – Petikan Puisi Moden

- (i) Berdasarkan rangkap ketiga, apakah perkara yang dimohon oleh penyajak kepada Tuhan? [2 markah]

Berdasarkan rangkap ketiga, perkara yang dimohon oleh penyajak kepada Tuhan ialah -penyajak berdoa agar anak-anaknya diberi keinsafan supaya kedukaan di hatinya terubat.Nyatakan harapan penyajak dalam rangkap ke-3. [2 markah]

maksud dalam rangkap pertama sajak di atas ialah:

- Penulis berkata bahawa setiap malam yang dilaluinya adalah sepi seribu bahasa
- setiap hari tidak pernah membawa apa-apa perubahan dalam dirinya.
- Dia berteka-teki dengan diri sendiri sama ada anaknya akan datang menjenguknya.
- penulis mengeluh dan telah meluahkan kesunyiannya pada usia tua
- penulis berharap hari-hari tuanya akan menjadi lebih bermakna.

[pilih 2 isi]

- ii) ii. Sebagai seorang anak, bagaimanakah cara yang boleh anda lakukan untuk membalas jasa kedua-dua ibu bapa? [3 markah]

Sebagai seorang anak, cara yang boleh saya lakukan untuk membalas jasa kedua-dua ibu bapa ialah sentiasa mentaati perintah ibu bapa dan tidak melakukan perkara yang melukakan hati mereka. Seterusnya, menghendahkan kejayaan dalam kehidupan kepada mereka. Akhirnya, memelihara dan menjaga ibu bapa apabila mereka sakit atau sudah tua. Setiap orang akan menjalani kehidupan hari tua. Pada pendapat anda, apakah persiapan-persiapan yang perlu dilakukan sebagai bekalan hari tua? [3 markah]

Setiap orang akan menjalani kehidupan hari tua. Pada pendapat anda, apakah persiapan-persiapan yang perlu dilakukan sebagai bekalan hari tua?

persiapan-persiapan yang perlu dilakukan sebagai bekalan hari tua:

- menjaga kesihatan dengan baik supaya tidak ditimpa penyakit yang memudaratkan
- mempunyai wang simpanan yang mencukupi untuk kehidupan akan datang
- memiliki rumah yang selesa untuk didiami
- memiliki keluarga atau anak-anak yang penyayang

[Maksimum : 3 markah]

[isi cukup : 2 isi]

- iii) Jelaskan dua pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas.

Pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas ialah :

1. Sebagai seorang anak, kita hendaklah menyayang ibu bapa dan tidak mengabaikan mereka.
2. Kita hendaklah sentiasa berbakti kepada ibu bapa kita apabila mereka telah tua. Contohnya, anak-anak tidak sewajarnya menjadikan ibu bapa seperti bola dengan alasan tidak mampu untuk menjaga mereka.

3. Kita perlu insaf dengan kehidupan ini kerana kita juga akan melalui proses yang sama seperti ibu bapa kita, iaitu kita juga akan tua pada suatu hari nanti.
4. Kita hendaklah berasa insaf dan sedar bahawa kehidupan di dunia hanya bersifat sementara dan Tuhan sahaja yang kekal. Contohnya, penyajak sedar dan insaf bahawa yang kekal hanyalah Tuhan
5. Sebagai ibu bapa, kita mestilah bersikap penyayang terhadap anak-anak supaya kehidupan anak-anak itu mendapat berkat. Contohnya, kasih sayang seorang tua terhadap anaknya tetap utuh walaupun anaknya itu bersikap setia atau derhaka

[1m pernyataan + 1m huraian]
[4 markah]

Soalan 3(a)

Contoh jawapan:

3(b) mencerakinkan ayat:

- (i) Pencuri itu telah ditangkap *pada pukul 7 pagi tadi*.
Jawapan: Bilakah pencuri itu telah ditangkap?
- (ii) Semua murid SMK Mutiara akan menghadapi peperiksaan *di Dewan Wawasan*.
Jawapan: Di manakah semua murid SMK Mutiara akan menghadapi peperiksaan?
- (iii) *Ya*, saya akan melakukan tugas itu.
Jawapan: Adakah anda akan melakukan tugas itu?
- (iv) Pelajar-pelajar sedang mengulang kaji *di perpustakaan*.
Jawapan: Di manakah pelajar-pelajar sedang mengulang kaji?
- (v) Normah tidak datang ke sekolah *sebab perutnya sakit*.
Jawapan: Mengapakah Normah tidak datang ke sekolah?
- (vi) Keadaan nenek saya *sihat*.
Jawapan: Bagaimanakah keadaan nenek kamu?

3(c) membetulkan kesalahan ejaan dan imbuhan

- i. ekopelancongan/kekayaan
- ii. profesion/penerangan
- iii. se-Malaysia/mengetengahkan

[6 markah]

3(d) Membetulkan kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa.

(i) (i) Beribu ayam ternakan dimusnahkan oleh kerajaan Maxico akibat sindrom selsema burung yang menyerang di beberapa buah daerah di negara itu.

Istilah: dimusnahkan → dihapuskan

Tatabahasa: Beribu → Beribu-ribu

(ii) Semua mangsa tsunami dipindahkan oleh kami ke pusat petempatan sementara sebaik-baik menerima arahan daripada pihak berkuasa.

Istilah: petempatan → penempatan

Tatabahasa: sebaik-baik → sebaik

(iii) Setelah meneliti semua syarat-syarat yang ditetapkan di dalam surat perjanjian oleh peguam, akhirnya Muzammil bersetuju untuk menulis surat perjanjian tersebut.

Istilah: menulis → menandatangani

Tatabahasa: syarat-syarat → syarat

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.

(i) Setiap petang, Alina dan rakan-rakannya akan bersiar-siar di taman bunga untuk menghilangkan kepenatan bekerja.

Ambil angin

(ii) Janganlah kita boros berbelanja, sebaliknya berbelanja mengikut kemampuan diri atau bersesuaian dengan bajet kita.

Ukur baju di badan sendiri

(iii) Sebelum melakukan sesuatu perkara, kita hendaklah berfikir dengan semasak-masaknya supaya tidak menyesal pada kemudian hari.

Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna

[6 markah]

Jawapan:

(a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]

- **Dungun**

- 1. Daerah Tempat Nenek Dan Datuk Tinggal
- 2. Daerah asal ibu Lili
- **Pekan Sejahtera**
 - 1. Tempat Tinggal Geetha
 - 2. Kedai milik Letchumi ibu Geetha terletak di sini.
- **Pekan Sentosa**
 - 1. Tempat Tinggal Datuk Dan Nenek Lili
- **Bendang**
 - 1. Tempat Lili Bertemu Neneknya Sewaktu Tiba Di Kampung
- **Masjid**
 - 1. Tempat Datuk Bergotong-Royong Menaikkan Kubah Masjid Bersama-Sama Penduduk Kampung.
 - 2. Tempat Datuk Bersolat Berjemaah
- **Rumah Datuk**
 - 1. Reka bentuk Yang Unik Dengan Corak Jendela Dan Pintu
 - 2. Tempat Datuk Bercerita Tentang Kemujaraban Akar Kayu Dengan Lili.
 - 3. Tempat Danel datang dan membantu nenek memasak
 - 4. Tempat Danel berurut dengan datuk
- **Kedai Runcit Letchumi**
 - 1. Tempat Nenek Membawa Lili Berbelanja
 - 2. Tempat Lili Bertemu Geetha
 - 3. Tempat Geetha Bercerita Tentang Datuk Kepada Lili.
- **Kedai Runcit Ah Kwan**
 - 1. Tempat Lili Diminta Membeli Barangan Dapur
 - 2. Terletak Berhampiran Dengan Rumah Nenek.
- **Balai Raya**
 - 1. Tempat penduduk kampung berkumpul bagi menyelesaikan masalah pembelian tanah orang kampung oleh orang yang tidak dikenali.
 - 2. Tempat Che Jah membuat pengakuan bahawa suaminya Seman yang melarikan kubah surau

[1 markah untuk latar tempat + 1 markah untuk huraian]

Markah Isi – 4m

Markah bahasa – 3m

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan isu kepincangan masyarakat yang boleh dijadikan panduan kepada pembaca.

[8 markah]

- 1 Pernyataan: Masyarakat yang runtuh/rosak akhlak apabila kalangan remaja/ anak muda terlibat dengan najis dadah – 1 m
Peristiwa anak-anak Che Jah iaitu Rafiq dan Haziq terlibat dengan penagihan dadah dan sering mencuri barang-barang di rumah mereka termasuk barang kemas ibu mereka Che Jah untuk membeli dadah sehingga pernah dimasukkan ke penjara dan pusat tahanan juvana atas kesalahan juvana yang pernah dilakukan sebelum ini. - 2m
- 2 Pernyataan: Masyarakat yang melakukan keganasan dalam rumah tangga. - 1m

- Peristiwa Che Jah hidup menderita akibat sering menjadi mangsa sepak terajang suaminya, Seman yang bersifat panas baran dan kaki judi. – 2m
- 3 Pernyataan: Masyarakat tentang seorang bapa yang kejam dan tidak . – 1m
Peristiwa Seman sebagai seorang ayah yang mengabaikan tanggungjawab sebagai ketua keluarga dan menyebabkan anak-anaknya, Haziq dan Rafiq menjadi nakal serta terlibat dalam penagihan dadah jenis syabu. Seman juga sering memarahi dan memukul anak-anaknya 2m
 - 4 Pernyataan : Kepincangan masyarakat yang tidak bersepat dalam melaksanakan isu-isu penting di kampung. – 1m
Peristiwa penduduk Kampung Sentosa tidak sepat dan bertelagah dalam isu pemasangan kubah iaitu sama ada meletakkan kubah pada bumbung surau yang telah usang atau pada bumbung masjid yang belum dibina. – 2
 - 5 Pernyataan : masyarakat yang melakukan jenayah. - 1m
Peristiwa suami Che Jah, Seman telah mencuri kubah baharu di kampung itu dan telah ditangkap serta dibawa ke balai polis oleh penduduk kampung. - 2m
 - 6 Penyataan : Masyarakat yang membuat tuduhan tanpa usul periksa. – 1m
Peristiwa sekumpulan pemuda datang dengan marah-marah sambil mengarak sepanduk dan melaungkan “Haji Abdul Rahman pengkhianat bangsa!” di halaman rumah datuk Lili kerana menganggap datuk Lili melindungi penjenayah Hafiq dan Raziq. 2m
 - 7 Pernyataan : Masyarakat yang tidak amanah - 1m
Peristiwa datuk Lili pernah membantu Seman dengan memintanya melakukan kerja di kebun tetapi hasil kebun tersebut tidak diserahkan kepada datuk Lili sebaliknya telah dijual oleh Seman. 2m

Novel Songket Berbenang Emas

- 1 Pernyataan: masyarakat yang sering menyindir dan menabur fitnah. – 1m
Peristiwa Aton sering menyindir Dahlia sebagai gadis yang tidak baik, malah Aton telah menyindir dan memfitnah Dahlia sebagai perempuan yang rendah akhlak semasa mereka bersama-sama menyediakan hidangan untuk Majlis Maulidur Rasul peringkat Parit Haji Rais. – 2m
Peristiwa Seman memfitnah adik iparnya, Embong kepada ibunya, Nek yang dikatakan menjadi punca Saleha menjadi Embong. - 2m
- 2 Pernyataan: Kepincangan masyarakat yang mempercayai kepercayaan karut 1m
Peristiwa Nek Kiah datang ke rumah Embong dan menggunakan kapur untuk menggores pintu dengan tanda pangkah yang bertujuan untuk mengelakkan hantu masuk ke dalam rumah./peristiwa Nek Kiah mengarahkan anak muda segera mengangkat Said di tebing sungai dan dibawa keliling rumah sebanyak tujuh kali untuk memastikan Said kembali bernyawa, namun usaha itu gagal. 2m

- 3 Pernyataan: Masyarakat yang tidak tahu menghargai jasa dan pengorbanan orang lain terhadap keluarganya 1m
Peristiwa Dahlia bergegas ke tebing sungai apabila mendengar jeritan bahawa Said, anak Aton tenggelam di dasar sungai dan Dahlia berusaha terjun untuk mencari dan menyelamatkan Said yang tenggelam di dasar sungai walaupun arus sungai deras. Malangnya Aton telah memaki hamun Dahlia di hadapan orang kampung dan menuduh Dahlia membunuh anak lelaki tunggalnya, Said. - 2m
- 4 Pernyataan: Kepincangan masyarakat yang tidak mementingkan hubungan kekeluargaan 1m
Peristiwa Seman sanggup memujuk dan mencadangkan emaknya, Nek Kiah agar menjual tanah pusaka seluas lima ekar termasuk tanah tapak rumah Embong sekarang. Nek Kiah bersetuju untuk menjual tanah pusaka itu lantaran harganya mahal, iaitu lima belas ribu seekar tanpa mempedulikan nasib Embong dan anak-anaknya. Nek Kiah juga sanggup menghalau Dahlia agar segera berpindah dari tapak sedia ada kerana tanah itu akan dijual. - 2m
- 5 Pernyataan : Masyarakat yang memandang rendah terhadap keluarga yang lain 1m
Peristiwa Nek Kiah memandang hina dan meluahkan perasaan tidak puas hati terhadap Embong yang dikatakan membawa nasib malang terhadap anaknya, sejak mereka berkahwin hingga mempunyai enam orang anak. – 2m
- 6 Pernyataan : Kepincangan masyarakat remaja yang sering terpengaruh dengan rakan sebaya. - 1m
Peristiwa Abu Bakar, anak lelaki tunggal Embong yang tiga hari tidak pulang ke rumah dan sering melepak dengan kawan-kawannya di luar serta tidak mahu mendengar nasihat ayahnya, Embong dan kakaknya, Dahlia. - 2m

